

TARIKH: 3/5/23
SURAT KHABAR: Harian Metro
MUKA SURAT: 11

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

SEKOLAH DIBUKA SEMULA SELEPAS RAYA

Johor Bahru

Tak semua berpelitup muka

Sebahagian besar murid dan pelajar sekolah memilih untuk tidak menggunakan pelitup muka ketika sesi persekolahan dibuka semula selepas cuti Aidilfitri, semalam.

Tinjauan di kawasan persekolahan di Taman Molek, Masai di sini mendapati kebanyakan pelajar dilihat memilih untuk tidak memakai pelitup muka.

Namun masih ada sebahagian pelajar dilihat menggunakan semula pelitup muka di sebalik kebimbangan peningkatan semula jangkitan penyakit pernafasan termasuk Covid-19 dan Influenza.

Pekerja swasta, Nurshakila Azmi, 33, berkata dua anaknya yang belajar di tahun tiga dan tahun dua sudah mula menggunakan semula pelitup muka sebaik sesi persekolahan bermula sejak awal Mac lalu.

Katanya, ia berikutan kebimbangannya dan keluarga yang pernah dijangkiti Covid-19 dan Influenza.

"Saya meminta dua anak memakai pelitup muka apabila sekolah dibuka awal Mac lalu selepas memantau kumpulan WhatsApp kelas mereka.

"Sekurang-kurangnya lima rakan kelas anak tidak sihat dalam masa sehari memabatkan demam selesema serta sakit tekak dan ia sangat membimbangkan.

"Oleh kerana kami pernah dijangkiti Covid-19 dan Influenza yang agak teruk, saya meminta anak memakai pelitup muka di sekolah.

"Namun masih ramai pe-



SEKITAR tinjauan pemakaian pelitup muka oleh pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Molek, Johor Bahru, semalam. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN



lajar tidak memakai pelitup muka dengan alasan cuaca terlampau panas dan ibu bapa mereka risau anak me-

reka kelembasan pula. Bagaimanapun, saya membekalkan anak dengan botol air besar dan meminta mereka

minum sentiasa dan menambah air di alat penapis air sekolah bagi mengelakkan badan mereka tidak cukup air," katanya ketika ditemui.

Pada 26 April lalu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesyorkan pemakaian pelitup muka dilaksanakan semula di semua sekolah berikutan kebimbangan peningkatan kembali kes Covid-19, selain penularan varian baharu dikenali sebagai XBB.1.16 atau Arc-turus.

Susulan itu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata beliau akan menga-



"Sekurang-kurangnya lima rakan kelas anak tidak sihat dalam masa sehari"

Nursh

dakan pertemuan segera dengan Menteri Pendidikan Fadhlin Sidek, bagi membincangkan perkara itu untuk mengekang penularan semula Covid-19 di sekolah.

Beliau berkata, garis panduan berhubung prosedur operasi standard (SOP) memabatkan murid dan pelajar di sekolah akan dikeluarkan sebelum memulakan persekolahan pada 2 Mei ini selepas Aidilfitri.



Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) akan melaksanakan bulan pemutihan bermula 1 Mei hingga 30 Jun ini bagi memberi peluang dan ruang kepada majikan supaya mendaftar secara sukarela.

Ketua Eksekutif Perkeso Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, bulan pemutihan ini adalah aktiviti tahunan dan kali ke-14 dilaksanakan pihaknya.

"Program pemutihan secara tradisinya diadakan selama sebulan. Tetapi pada tahun ini, kita memberikan ruang dan peluang yang lebih kepada majikan di luar sana.

"Program pemutihan ini akan dilaksanakan selama dua bulan. Maknanya kita akan memberi peluang ke-

Peluang majikan daftar Perkeso secara sukarela



DR Mohammed Azman (tengah) ketika sidang media mengenai bulan pemutihan di Menara Perkeso, Jalan Ampang, semalam. - Gambar NSTP/AMIRUDIN SAHIB

pada majikan yang masih belum mendaftar, dalam tempoh dua bulan ini untuk tampil mendaftar secara sukarela di mana-mana pe-

jabat Perkeso di seluruh negara.

"Kita mempunyai 54 pejabat yang mana mereka boleh hadir untuk mendaf-

tar," katanya pada sidang media di Menara Perkeso, semalam.

Katanya, dalam tempoh dua bulan ini, majikan yang

tampil secara sukarela akan dikecualikan daripada tindakan pengkompaunan, pendakwaan dan faedah caruman lewat bayar (FCLB) walaupun melewati tempoh yang ditetapkan untuk mendaftar dan mencarum.

Mohammed Azman berkata, kebimbangan pihaknya adalah dari segi pendaftaran pekerja asing di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) yang telah masuk ke negara ini.

"Setakat ini kita mempunyai 1.2 juta pekerja asing yang telah didaftar. Kalau berdasarkan statistik pendaftaran yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigrasi, jumlah pekerja asing ini melebihi 1.2 juta.

"Jadi masih ramai lagi pekerja asing di luar sana yang belum didaftar di bawah Skim Keselamatan Sosial mana kita sedia maklum pekerja asing ini wajib mendaftar di bawah Akta 4.

"Bagi majikan yang masih lagi tidak faham at tidak sedia maklum diminta segera tampil ke hadapan untuk mendaftar pekerja mereka di bawah Akta 4.

Selain itu, katanya, pekerja domestik yang tidak mendaftar di bawah Skim Keselamatan Sosial juga masih ramai.

"Dari statistik kita ada, sekitar 28,808 sahaja pekerja domestik yang mendaftar dan percaya ang ini lebih besar," katanya.